ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڠ ايمان

**"DAN berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai".**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 103.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.36 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 18 | 10 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 11 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# TBCC ANJUR ACARA LARIAN SEMPENA WCD 2025

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Februari. - Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) pagi tadi mengadakan acara larian 10 kilometer bagi memperingati Hari Kanser Sedunia (WCD) 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Berangkat menyertai acara larian tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah JPMC.

Larian tersebut dimenangi oleh Mohd. Hakim Danish bagi Kategori Lelaki, manakala Nor Diyanah binti Siew memenangi Kategori Wanita.

>> Muka 3



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat menyertai acara larian tersebut.**

# IBTE melancarkan Pelan Strategik 2025-2030

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**JERUDONG**, Sabtu, 8 Februari. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Institute of Brunei Technical Education - IBTE) hari ini melancarkan Pelan Strategik 2025-2030 semasa berlangsungnya Ekspo Pengajian Tinggi di Dewan BRIDEX.

Pelancaran yang dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menandakan satu pencapaian penting dalam komitmen berterusan pihak IBTE untuk memajukan pendidikan teknikal dan vokasional di Negara Brunei Darussalam (NBD).

IBTE memainkan peranan penting dalam membentuk tenaga kerja berkemahiran yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran NBD.

>> Muka 5

# Tazkirah Ilmiah tekan kepentingan penjagaan peribadi

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Hari Kanser Sedunia disambut setiap tahun pada 4 Februari dan tahun ini Sambutan Hari Kanser Sedunia membawa tema baharu untuk tahun 2025 hingga 2027 iaitu 'Bersatu Berasaskan Keunikan' (United By Unique) yang menekankan kepentingan menerima kepelbagaian, keunikan individu dan kerjasama dalam menangani penyakit kompleks ini.

Tema juga menekankan kepentingan penjagaan peribadi, memastikan rawatan disesuaikan dengan keadaan khusus para pesakit kanser termasuk People-Centered Care yang memberi tumpuan kepada pesakit secara keseluruhan, bukan hanya penyakit tetapi juga mengutamakan kesejahteraan fizikal, emosi, sosial dan psikologi pesakit dan keluarga mereka.

>> Muka 3

# Sembahyang benteng utama hadapi tekanan hidup

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Februari. - Sembahyang dalam Islam bukan hanya sebagai ibadah wajib tetapi juga sebagai terapi semula jadi yang dapat meningkatkan kesejahteraan mental.

Sembahyang membantu menenangkan hati, mengurangkan tekanan, meningkatkan ketahanan emosi dan membentuk disiplin diri melalui zikir serta pergerakan yang menenangkan.

"Ia juga membimbing individu untuk lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala, meningkatkan rasa syukur dan membina hubungan sosial yang lebih erat melalui sembahyang berjemaah.

"Dalam dunia moden yang penuh cabaran, sembahyang menjadi benteng utama untuk menghadapi tekanan hidup," demikian jelas Pengarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian dalam ceramahnya bertajuk 'Sembahyang dan Kesejahteraan Mental' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Al'-Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



**PELUANG infak jariah kepada asnaf mualaf**
**Muka 7**



**MEMPERKUKUH hubungan kerjasama Pusat STEP, pemimpin sekolah**
**Muka 10**



**PPNBD sertai The 10th Sharjah International Scout Gathering**
**Muka 16**



RENCANA
محمد الإدريسي ڤريك ڤتا بومي
**Muka 20**

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Bersama membangun NBD sebagai negara berdaya tahan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 4 Februari 2025 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan.

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Sesi Muzakarah pada petang ini.

Sebelum ini, bagi mewakili warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), peramba / kaola / saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di atas kesudian meluangkan masa untuk berkunjung ke KSSUP bagi sama-sama berkongsi pandangan dan bercambah buah fikiran, bagi tujuan menanai dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai ekonomi negara yang terus berkembang maju dan sentiasa bertumbuh serta dipelbagaikan supaya ia tidak bergantung sepenuhnya pada hasil minyak dan gas.

Sepertimana juga yang telah diketahui, bahawa pihak KSSUP tidak lari dari menghadapi cabaran bagi mengekalkan kestabilan ekonomi dan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan khususnya bagi sektor di bawah kementerian ini, iaitu pertanian, perikanan dan perhutanan serta pelancongan. Bagi menangani cabaran semasa, usaha padu dalam mencapai ekonomi tinggi ini hanya boleh dilakukan dengan kerjasama semua pihak. Sebelum kita bermuzakarah dengan lebih lanjut lagi, kementerian ini telah menyediakan satu taklimat ringkas bagi mengongsikan perkembangan serta prestasi pencapaian sektor sumber-sumber utama dan pelancongan sepanjang tahun 2024, serta hala tuju strategik kementerian ini bagi memastikan agar keluaran dari industri-industri di bawah kendalian kementerian ini, akan terus meningkat dari tahun ke tahun dan menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan digiatkan terus usaha dengan gigih untuk membawa Negara Brunei Darussalam mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan; dan pada masa yang sama bagi menjamin sekuriti makanan serta meningkatkan eksport.

Alhamdulillah, pada bulan November tahun lepas, kementerian ini telah pun mengaturkan jadual lawatan-lawatan membawa rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke destinasi-destinasi pelancongan di bawah pengawalan kementerian ini, untuk melihat sendiri dan seterusnya berkesempatan berinteraksi bersama dengan pengusaha-pengusaha yang berkecimpung dalam perusahaan bidang pelancongan.

**Fokus Utama Bagi Meningkatkan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Pihak KSSUP melalui jabatan-jabatan yang berkenaan, akan secara berterusan memperkemaskan lagi usaha dengan menyemak strategi - strategi, memperkenalkan kaedah dan pendekatan baharu mengikut keperluan semasa untuk melaksanakan pembaikan-pembaikan dan perubahan berterusan serta berkesan dalam melaksanakan inisiatif, program dan projek bagi merealisasikan visi dan misi serta hala tuju strategik kementerian ini dengan memberikan tumpuan kepada tiga fokus utama.

Fokus pertama adalah pertumbuhan dan peningkatan keluaran industri di bawah sektor makanan, iaitu keluaran dari sektor pertanian dan sektor perikanan.

Sejajar dengan Peta Jalan Industri Makanan (Food Industry Roadmap), beberapa program dan projek giat dilaksanakan untuk memfokuskan kepada meningkatkan keluaran produk makanan yang berkualiti, halal dan selamat dari sektor makanan bagi industri *primary* seperti keluaran hasil industri ternakan dan industri tanaman bagi sektor pertanian; dan industri penangkapan ikan dan akuakultur bagi sektor perikanan dan keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berasaskan pertanian dan perikanan. Pencapaian tahun 2024 adalah usaha dari Kementerian ini yang masih terus memfokuskan pendekatan pengukuhan ekosistem rangkaian nilai *(value chain)* yang mana kerja-kerja pengukuhan ekosistem ini adalah untuk menyumbang secara signifikan kepada peningkatan KDNK, *food security* dan juga kepada pertumbuhan jumlah dan nilai eksport negara.

Kita akui bahawa pada tahun 2024, industri makanan menghadapi cabaran tersendiri, khususnya dalam sektor perikanan. Namun, dalam setiap cabaran, terdapat peluang baharu yang boleh diterokai.

>> Muka 8

# WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | ISNIN | 11 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 11 | SELASA | 12 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 12 | RABU | 13 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 13 | KHAMIS | 14 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 14 | JUMAAT | 15 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 15 | SABTU | 16 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 16 | AHAD | 17 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

# RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 30 24 °C | 31 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 31 25 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 31 25 °C | 30 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

# SIDANG PENGARANG

10 FEBRUARI 2025

## Utamakan budaya kerja yang selamat

**KESELAMATAN** di tempat kerja sangat penting untuk memastikan kesejahteraan para pekerja tanpa mengira bekerja di sektor kerajaan ataupun sektor swasta. Keselamatan adalah tanggungjawab semua pihak.

Budaya keselamatan yang positif merupakan tunjang penting untuk lingkungan kerja yang selamat dan sihat. Ini bergantung pada komitmen bersama daripada ketua dan pekerja untuk mengutamakan keselamatan dalam semua aspek operasi. Membudayakan keselamatan memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan kepemimpinan yang kuat, komunikasi yang efektif, mengenal pasti dan penilaian bahaya yang cermat serta implementasi langkah-langkah pengendalian yang efektif.

Sejak tahun 2013 sehingga tahun 2024, terdapat 79 kematian di tempat kerja di pelbagai sektor dan pada tahun 2024 sahaja, tiga kematian di sektor pembinaan telah direkodkan.

Justeru, komunikasi yang efektif sangat penting untuk menanamkan budaya keselamatan di tempat kerja. Hal ini memungkinkan penyebaran informasi penting mengenai bahaya, prosedur dan praktik kerja yang selamat. Untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini di tempat kerja, pemeriksaan dan pemeriksaan keselamatan secara teratur sangat penting untuk mengenal pasti dan mengatasi potensi bahaya di tempat kerja.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usahanya bagi memastikan keselamatan pekerja di tempat kerja telah memperkenalkan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009. Satu set Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja juga telah ditubuhkan semasa pelancaran Perintah. Keselamatan Tempat Kerja, Perintah Kesihatan 2009 adalah garis panduan keselamatan yang telah dirangka oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Tempat Kerja dan Perintah Kesihatan yang terdiri daripada pelbagai pegawai organisasi kerajaan. Ia menggariskan peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan, penyelia dan pekerja di mana jua tempat kerja di negara ini, dalam memastikan semua kerja dilaksanakan dengan selamat.

Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (SHENA) sebagai sebuah autoriti pengawalseliaan kebangsaan, fungsi dan bidang kuasa SHENA akan meliputi peraturan dan penguatkuasaan berkenaan dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 dan peraturan-peraturan sokongan, sebuah perintah untuk memastikan keselamatan dan kesihatan bagi semua tempat kerja dan aktiviti kerja.

Keselamatan di tempat kerja adalah tanggungjawab bersama antara pekerja dan majikan. Kesedaran harus dipupuk terlebih dahulu agar ia menjadi satu budaya yang sihat dan penting dalam aspek kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Di sebalik tugasan yang mencabar serta meraih keuntungan yang dikejar, keselamatan adalah perkara yang perlu menjadi keutamaan. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# TAZKIRAH ILMIAH TEKAN KEPENTINGAN PENJAGAAN PERIBADI

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

>> Muka 1

Perkara tersebut antara yang dijelaskan dalam Tazkirah Ilmiah bertajuk 'Hari Kanser Sedunia' disampaikan oleh Ketua Unit Onkologi Perubatan dan Penjagaan Paliatif, Consultant Oncology, Pusat Kanser Brunei, Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Dr. Haji Awang Mohamad Zulkhairi bin Haji Awang Mohamad bersempena Hari Kanser Sedunia 2025.

Acara Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Ke-172 malam tadi terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Dr. Haji Awang Mohamad Zulkhairi dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan Malam Munajat ialah pegawai dan kakitangan Pusat Kanser Brunei, JPMC dan Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan; para siswa dan pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok dan Masjid Kampung Tanah Jambu serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang berjumlah 65 buah dari seluruh negara termasuk warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Kemudian acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Saleh iaitu siswa Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Tahun 2, ITQSHHB dari Musolla ITQSHHB.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Guru Ugama Tingkat II, Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Tapau dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Selesai Tazkirah Ilmiah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Ishqal Ezairy@Abdul Mateen bin Mohammad Shahruni, pelajar Tahun 10, ITQSHHB dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohd. Saifullah bin Rosli dari Masjid Kampung Tanah Jambu.

Acara Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu.*



**JUGA hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.**

# TBCC anjur acara larian sempena WCD 2025





**YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah JPMC hadir selaku tetamu kehormat pada acara larian 10 kilometer bagi memperingati Hari Kanser Sedunia 2025 (kiri dan atas).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

>> Muka 1

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Kempen Sambutan WCD 2025, Haji Muhd. Syafiq bin Abdullah dalam ucapan alu-aluannya berkata, WCD yang disambut setiap 4 Februari bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menangani dan mengawal kanser bagi menghentikan serta mengurangkan kematian pramatang yang disebabkan oleh penyakit berkenaan di peringkat global dan negara.

Jelasnya, tema WCD pada kali ini iaitu 'United By Unique' atau 'Bersatu Berasaskan Keunikan' yang ditetapkan oleh Kesatuan bagi Kawalan Kanser Antarabangsa (UICC) bagi tahun 2025 hingga 2027 menekankan keperluan untuk memahami pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh setiap individu menentang kanser dengan menyerapkan penjagaan kanser yang berasaskan *people-centered,* melalui pendekatan yang penuh empati, adil dan memenuhi keperluan peribadi setiap pesakit kanser.

"Ia mengingatkan kita bahawa setiap pesakit kanser mempunyai keperluan dan kisah unik mereka tersendiri; kisah kesedihan, kesakitan, penyembuhan, ketabahan dan banyak lagi," katanya.

Beliau menambah, TBCC sebagai pusat utama penjagaan dan pengurusan kanser menawarkan beberapa perkhidmatan daripada peringkat pengesanan awal sehingga peringkat rawatan, termasuk khidmat nasihat dan ujian bagi mereka yang berisiko tinggi dengan kaedah rawatan terkini dan teknologi moden untuk mengesan dan merawat.

"Kami juga merupakan tempat rujukan utama bagi penanganan dan kawalan kanser termasuk pembarigaan maklumat mengenai kanser.

"Bagi memastikan impak yang berkesan dan berdaya tahan, TBCC akan sentiasa memastikan mesej yang disampaikan sepanjang tahun tentang kanser adalah konsisten, relevan dan memberi kesan positif kepada pesakit, rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

"Ini terbukti dengan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pusat ini di kebelakangan seperti mengadakan taklimat dan kolaborasi di agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan sekolah-sekolah dan aktiviti-aktiviti kesedaran awam," katanya.

Beliau turut menyeru orang ramai untuk sama-sama bergabung memberikan sokongan bagi mencapai matlamat-matlamat pencegahan dan pengawalan kanser di negara ini.

"Secara amnya, kita boleh memberi sokongan dengan memastikan kita dan keluarga melakukan pencegahan awal dengan mendapatkan ujian saringan kanser, mendapatkan maklumat lengkap tentang kanser dan menyebarkan kepada keluarga, rakan dan orang sekeliling dan yang penting sekali, mengamalkan pemakanan yang sihat dan mengekalkan gaya hidup yang aktif," katanya.

Antara aktiviti lain yang diadakan pada acara tersebut adalah cabaran kecergasan yang dihoskan oleh vendor gim tempatan serta pameran yang antara lain mengetengahkan maklumat mengenai pencegahan kanser, pemeriksaan dan kesihatan, selain perkhidmatan berkaitan kanser seperti rehabilitasi kanser dan inisiatif saringan kanser kebangsaan.

Salah seorang bekas pesakit kanser yang menyertai acara tersebut, Masjuwita binti Haji Abdul Hamid, 59 tahun, berkata, orang ramai dapat menyokong pesakit kanser dengan menyertai acara-acara berkaitan WCD, di samping mendekati serta mendengar luahan perasaan para pesakit bagi sama-sama membantu mereka menangani penyakit berkenaan.

"Selain itu, orang ramai perlu meningkatkan kesedaran mengenai tanda dan simptom kanser dengan membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala.

"Jangan leka atau teragak-agak untuk berjumpa doktor jika ada masalah kesihatan yang kita tidak tahu atau faham," katanya kepada media.

Sementara itu, Jormasnizah binti Jormasie, 44 tahun, juga salah seorang bekas pesakit kanser menyarankan para pesakit untuk mengikuti nasihat doktor dan tidak terlalu mendengar persepsi negatif daripada orang sekeliling.

"Pergi berjumpa doktor jika sakit walaupun kita anggap ia cuma sakit biasa sahaja.

"Ini kerana kanser merupakan pembunuh senyap dan kita tidak tahu ia menyerang jika kita tidak membuat pemeriksaan kesihatan.

"Di samping itu, sokongan keluarga dan kata-kata positif juga penting buat pesakit kanser," katanya.

Acara larian sempena WCD 2025 itu dijayakan melalui sokongan dan sumbangan sekumpulan penaja dan rakan kongsi yang telah memainkan peranan penting dalam memajukan penjagaan kanser dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Ia disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), DKSH BRN Sendirian Berhad, Zuellig Pharma, Brunei AstraZeneca, D'Sunlit Sendirian Berhad, Sehat Water, Hui Huang Enterprise (C1000), dan Massutera Engineering Sendirian Berhad.

# Sembahyang benteng utama hadapi tekanan hidup





ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan mendengarkan ceramah yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian (kiri dan kanan).**

>> Muka 1

Selain itu, tambah beliau, sembahyang yang sempurna bukan sekadar perbuatan fizikal tetapi juga melibatkan keikhlasan hati dan kekhusyukan. Menurutnya lagi, keutamaan diberikan kepada kesedaran dalam ibadah di mana individu bukan sahaja memenuhi syarat zahir sembahyang tetapi juga memperkukuhkan aspek batinnya.

"Dengan mengamalkan sembahyang secara konsisten dan berkualiti, umat Islam dapat memperbaiki kesejahteraan mental dan menjalani kehidupan yang lebih tenteram serta bermakna," terang beliau.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis anjuran Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan di bawah Kementerian Kesihatan itu juga dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

# 95 PELATIH PPB SERTAI TAKREEM AL-QURAN







**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Takreem Al-Quran (atas kiri), manakala gambar atas, antara Pelatih Program Pembangunan Belia bagi Sesi 2024 yang akan menamatkan kursus pada hujung bulan ini menyertai Majlis Takreem Al-Quran berkenaan. Sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Februari. - Seramai 95 orang Pelatih Program Pembangunan Belia bagi Sesi 2024 yang akan menamatkan kursus pada hujung bulan ini menyertai Majlis Takreem Al-Quran di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Para pelatih terdiri daripada 53 orang pelatih lelaki dan 42 orang pelatih perempuan.

Majlis Takreem Al-Quran Program Pembangunan Belia tersebut merupakan aktiviti tahunan bagi Unit Hal Ehwal Pelatih anjuran Bahagian Kerohanian dan Keugamaan serta salah satu kegiatan keagamaan bersempena tamat kursus bagi para pelatih setiap tahun.

Majlis antara lain bertujuan untuk memartabatkan dan memuliakan Al-Quran dalam kalangan para pelatih, di mana sebelum ini, aktiviti para pelatih ialah untuk membaca Al-Quran setiap hari Jumaat iaitu Surah Al-Kahfi dan beberapa surah pilihan setiap kali selepas Sembahyang Fardu Maghrib.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Turut hadir, para pegawai dari KKBS dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; para pegawai dan kakitangan PPB; serta para ibu bapa dan penjaga Pelatih PPB Sesi 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diteruskan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyah dan surah-surah pilihan secara beramai-ramai.

Majlis diserikan dengan alunan dikir oleh kumpulan lepasan Pelatih Program Pembangunan Belia dan diselajurkan acara merenjis minyak wangi serta penyampaian siji kepada para Pelatih Program Pembangunan Belia bagi Sesi 2024 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sebelum mengakhiri majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Surau PPB, Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan.



# 64 PEMPAMER SERTAI EKSPO PENGAJIAN TINGGI KE-10




**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG,** Sabtu, 8 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Biasiswa dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) hari ini mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Ekspo Pengajian Tinggi Ke-10 bagi Tahun 2025 di Dewan BRIDEX Hall 2, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan ekspo tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan perasmian ekspo yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dengan menggunakan *access card* yang mencerminkan era digital pada masa ini yang menitikberatkan personal identification.

Yang Berhormat juga berkesempatan melawat pavilion-pavilion agensi-agensi Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan luar negara serta kedutaan-kedutaan dan agensi-agensi yang berkaitan yang turut serta di dalam ekspo berkenaan.

Sebanyak 64 pempamer menyertai Ekspo Pengajian Tinggi kali ini, merangkumi 16 IPT awam dan swasta dalam negara, 23 agensi dan institusi dari luar negara, empat daripada kedutaan serta 21 agensi kerajaan dan swasta.

Ekspo menyediakan Pusat Informasi Sehenti (One-Stop Information Centre) Pengajian Tinggi di mana institusi pengajian pasca menengah, IPT awam dan swasta serta agensi-agensi sektor pendidikan dalam dan luar negeri memberikan prospek pengajian pasca menengah.

Selain itu, ia dapat memberikan peluang kepada orang ramai khususnya pelajar untuk bersemuka dengan pihak IPT serta agensi-agensi sektor pendidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Ekspo akan dibuka selama dua hari bermula hari ini dan esok Ahad, 9 Februari 2025 dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di Dewan BRIDEX Hall 1 dan Dewan BRIDEX Hall 2.

Orang ramai dalam dan luar negara yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi khususnya penuntut-penuntut lepasan 'O' dan 'A' Level; BDTVEC, NTEC dan HNTEC atau Diploma Level 3, 4 dan 5; Sarjana dan PhD. dan ahli-ahli profesional serta alumni dialu-alukan untuk menghadiri ekspo berkenaan.



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi Ekspo Pengajian Tinggi Ke-10 bagi Tahun 2025 di Dewan BRIDEX Hall 2 (atas sekali dan atas).**

# IBTE melancarkan Pelan Strategik 2025-2030



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan melancarkan Pelan Strategik 2025-2030.**

>> Muka 1

Dalam dunia yang semakin berkembang, permintaan terhadap tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan inovatif semakin meningkat.

Untuk kekal di barisan hadapan di dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), IBTE sentiasa komited terhadap penyesuaian dan kemajuan berterusan.

Pelan Strategik IBTE 2025-2030 menggariskan visi yang bercita-cita tinggi untuk masa depan institusi berkenaan.

Dengan visi 'Penyedia TVET yang Diiktiraf di Peringkat Global, Melengkapkan Pelajar untuk menjadi Tenaga Kerja Masa Depan' dan Misi 'Memperkasakan Pelajar dengan Kompetensi yang Relevan untuk Industri melalui Kerjasama Dinamik dengan Pihak Berkepentingan bagi Memupuk Tenaga Kerja yang Kompeten dan Adaptif', ia membolehkan IBTE untuk menetapkan hala tuju yang jelas untuk inovasi dan kecemerlangan.

Berdasarkan pencapaian lalu, pelan ini mengukuhkan peranan IBTE sebagai institusi yang dinamik dan progresif, selaras dengan perkembangan pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ia menekankan keupayaan untuk menyesuaikan diri, kelestarian, dan daya saing global, memastikan IBTE kekal sebagai penyedia TVET utama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Fokus utama di dalam pelan tersebut ialah kejayaan pelajar yang mana IBTE kekal komited untuk memperkasakan pelajar menjadi profesional yang berkemahiran melalui pendidikan yang menyeluruh dan relevan dengan industri.

Selain kemahiran teknikal, institusi berkenaan berusaha untuk memupuk pemikiran yang berkembang, berdaya tahan, serta rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Dengan meningkatkan kurikulum yang ditawarkan, memperluaskan latihan industri global dan kerjasama serta memperkukuhkan kemahiran abad ke-21, IBTE berhasrat untuk melengkapkan pelajar bagi menghadapi dunia yang sentiasa berubah.

Pelan strategik itu disusun berdasarkan empat objektif utama, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027, Brunei Manpower Blueprint dan Economic Blueprint for Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga menyokong Pelan Pembangunan Lima Tahun Ke-7 SEAMEO VOCTECH bagi memperkukuhkan lagi relevansi IBTE dalam peringkat ASEAN serta peringkat antarabangsa.

Penjajaran itu mendorong kerjasama yang lebih kukuh dan meletakkan IBTE sebagai pemacu utama dalam pembangunan tenaga kerja negara dan serantau.

Dalam usaha IBTE memulakan bab baharu itu, pihak institusi ingin mengucapkan penghargaan yang mendalam kepada semua pihak berkepentingan yang telah menyumbang kepada pembentukan pelan strategik itu.

Dengan sokongan padu daripada komuniti IBTE, inisiatif tersebut membawa institusi ke arah masa depan yang ditandai dengan kecemerlangan, kelestarian dan pengiktirafan global.




**IBTE memainkan peranan penting dalam membentuk tenaga kerja berkemahiran yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.**

# Bergotong-royong membersihkan masjid

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lumapas**





**KEMPEN membersihkan masjid diketuai oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' (atas), manakala gambar atas kiri dan kanan, antara yang menyertai kempen tersebut.**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Februari. - Amalan kebersihan adalah penting dalam memupuk budaya sihat sekali gus mengajar masyarakat agar tidak *camah* mata dan peka terhadap alam sekeliling.

Justeru, seramai 50 Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'A' dan 'B', Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Lumapas serta penduduk kampung setempat menyertai Kempen Kebersihan di Masjid Kampung Lumapas, hari ini.

Kempen membersihkan masjid yang diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Mohammad Ali bin Tanjong selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' dan juga turut disertai oleh seramai 15 ahli anggota bomba dari Balai Bomba Sungai Kebun.

Yang Berhormat Mohammad Ali melahirkan penghargaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan kempen berkenaan. Selain itu, Yang Berhormat berharap agar belia dan orang ramai akan lebih peka mengenai kebersihan masjid kerana ia adalah tempat suci untuk menjalankan ibadah.

Kerja-kerja seumpama itu tambahnya, wajar diadakan secara berterusan bagi memberikan keselesaan dan yang penting keselamatan para jemaah masjid. Kempen Kebersihan tertumpu kepada kawasan dalam masjid dan letak kereta termasuk longkang dan pohon-pohon kayu di sekitar luar masjid. Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Haji Saini bin Haji Maidin.

# AMBIL IKTIBAR, PENGAJARAN SURAH AL-KAHFI

**Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar**

**SUNGAI BESAR**, Sabtu, 8 Februari. – Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan jemaah Masjid Kampung Sungai Besar merebut manfaat dan kelebihan mengimarahkan masjid dengan membaca Surah Al-Kahfi beramai-ramai di masjid berkenaan baru-baru ini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud yang juga membacakan Doa Selamat.

Bacaan Surah Al-Kahfi dikepalai oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Awang Damit melahirkan keyakinan dalam konteks kemasyarakatan, ibadah berkenaan akan membantu mengekalkan kemuafakatan dan meningkatkan keharmonian dalam kalangan jemaah.

Beliau yang juga Penasihat I Masjid Kampung Sungai Besar berharap jemaah akan mengambil iktibar dan pengajaran yang terkandung dalam Surah Al-Kahfi.

Surah Al-Kahfi antara lain memberi peringatan dan pengajaran agar manusia memanfaatkan segala yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dengan kebenaran dan mengelakkan daripada berlakunya kekufuran.

Turut menyertai majlis ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad; Pemangku Ketua Kampung Kawasan I, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Pungut dan Penasihat II, AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.



**TURUT menyertai majlis ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.**



# PELUANG INFAK JARIAH KEPADA ASNAF MUALAF

Berita dan Foto : Aimi Sani

**PULAIE**, Sabtu, 8 Februari. - Bagi memberikan peluang kepada orang ramai untuk berinfak jariah atau bersedekah berupa makanan asasi kepada asnaf mualaf yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan tiba, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Projek Fathul Barakah 6.0 bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1446 Hijrah.

Projek berkenaan diadakan adalah bagi sama-sama mengungkayahkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan para mualaf di NBD dan untuk beroleh ganjaran pahala berganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping dapat mengeratkan hubungan ukhuwah antara Persatuan Saudara-saudara Baru.

Ia juga adalah sebagai satu dakwah *bilmal* dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf mualaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna, menjelang bulan Ramadan yang akan tiba.

Turut menyertai projek tersebut ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Penerimaan sumbangan Projek Fathul Barakah 6.0 bagi Daerah Brunei dan Muara, diadakan selama dua hari iaitu Sabtu, 8 Februari 2025 dan Ahad, 9 Februari 2025 mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie.

Penerimaan sumbangan dijalankan secara pandu lalu. Manakala Projek Fathul Barakah 6.0 bagi Daerah Tutong, Belait dan Temburong juga akan diadakan selama dua hari iaitu pada Isnin, 10 Februari 2025 dan Selasa, 11 Februari 2025, mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong.

Antara sumbangan makanan asasi yang diterima ialah seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula (2kg / pek), makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh atau kopi, mi, mentega dan air mineral serta barang keperluan asasi yang bersesuaian.



**KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru, Negara Brunei Darussalam mengadakan Projek Fathul Barakah 6.0 bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1446 Hijrah.**

# Taklimat semai semangat kenegaraan





**SEKITAR Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Sekolah Arab Belait (atas, atas kanan dan bawah kanan).**

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BELAIT**, Sabtu, 8 Februari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Arab Belait.

Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di surau sekolah berkenaan itu dihadiri seramai 89 pelajar Tahun 7. Turut hadir, Pemangku Guru Besar Sekolah Arab Belait, Awang Haji Mohammad Roselyzan bin Haji Sipin dan para tenaga pengajar.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir dan Pegawai Luar Penerangan, Dayang Zurairah binti Haji Lisa yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para pelajar juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.





Pelita Brunei

# FORUM ILMIAH UNTUK PERSIAPAN BULAN RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid





AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dengan kerjasama Bahagian Imarah, Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong semasa mengadakan Program Rehlah Ila Ramadhan (Road to Ramadhan) baru-baru ini (atas, atas kanan dan bawah).



**TUTONG**, Sabtu, 8 Februari. - Menjelang bulan Ramadan, pelbagai aktiviti ilmiah akan dilaksanakan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan sebagai persiapan menghadapi bulan Ramadan kepada orang ramai.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dengan kerjasama Bahagian Imarah, Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong mengadakan Program Rehlah Ila Ramadhan (Road to Ramadhan) baru-baru ini.

Program tersebut diisikan dengan acara forum dengan tajuk perbincangan berkaitan dengan Ramadan dan kesihatan.

Program yang diadakan sebanyak empat kali ini antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi bulan Ramadan yang akan datang supaya umat Islam di Negara Brunei Darussalam mendapat ilmu tambahan sebagai panduan menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadan sekali gus sebagai satu cara bagi orang ramai umumnya untuk mengulang kaji ilmu kerana bulan Ramadan hanya datang setahun sekali.

Berikutan itu sesi kedua bagi program tersebut telah diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dengan forum bertajuk 'Riadah dan Puasa'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Forum dijayakan oleh dua orang ahli panel iaitu Imam Tingkat 1, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin dan Pegawai Pelajaran Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan, Awang Waajidun Ni'am bin Haji Dollah manakala Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Saufi Akmaluddin bin Sabli selaku moderator forum.

Dengan adanya program seumpama ini, diharapkan ilmu-ilmu yang disampaikan pada forum tersebut akan dapat diamalkan dan disebarkan kepada masyarakat di negara ini sebagai persiapan menyambut bulan Ramadan yang akan menjelang nanti.

## HALUAN

>> Muka 2

Kementerian ini masih dapat menembusi pasaran eksport berikutan dari kejayaan rintis pengeksportan beberapa komoditi yang terus diungkayahkan sebelum ini. Pada tahun 2024, jumlah eksport telur ayam ke Singapura adalah sebanyak 13 juta biji dengan nilai BND2.1 juta iaitu nilai peningkatan sebanyak 127 peratus berbanding tahun 2023.

Selain itu, pengusaha tempatan telah mengeksport produk-produk berproses ke Sabah, Sarawak dan Republik Singapura. Pada bulan Disember 2024, produk PDS Abattoir Sdn. Bhd. seperti *beef burger, corned beef, beef garlic sausage* dan *cold cuts* telah dieksport buat pertama kali ke Singapura. Syarikat Rizqussalam dan Syarikat A. Ayam juga telah berjaya mengeksport produk sambal ke Singapura.

Begitu juga dengan produk Ready-To-Eat Brunei Shrimp Crackers dari Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. dan produk berasaskan daging dari PDS Abattoir Sdn. Bhd. telah menembusi pasaran eksport ke Sabah. Manakala produk teh Mori Enterprise telah mula dieksport ke Sarawak, Malaysia.

Bagi mengukuhkan lagi kegiatan mempromosi produk makanan tempatan keluar negara, kementerian ini dengan beberapa pengusaha telah menyertai acara MAHA (Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan) di Malaysia dan CAEXPO (China-ASEAN Expo) di China, yang masing-masing telah berlangsung pada bulan September 2024.

Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga memperkenalkan beberapa inisiatif sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap pertanian yang lestari, iaitu Pertanian Regeneratif (Regeneratif Agriculture) dan Pertanian Bebas Racun (Brunei Pesticide Free). Pendekatan yang menekankan penggunaan kompos dan baja organik serta penggunaan bahan-bahan semula jadi dalam pengurusan tanaman dan kawalan perosak tanaman adalah bagi mendukung Food Industry Roadmap dalam menggalakkan *circular economy* bagi mengurangkan kesan negatif ke atas alam sekitar.

Beberapa Memorandum Persefahaman dan Letter of Intent (LOI) juga telah ditandatangani oleh kerajaan melalui kementerian ini dengan negara-negara seperti Republik Rakyat China dan Filipina bagi menguatkan lagi kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan.

Di samping usaha-usaha ke arah meningkatkan perkembangan industri sektor makanan, seterusnya adalah fokus kedua, yang mana usaha-usaha kementerian ini adalah bagi mendukung kemajuan dan pembangunan industri pelancongan di negara ini dengan memfokuskan kepada pembangunan, pengukuhan serta mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan kebudayaan *(culture)*, pengembaraan / aktiviti lasak *(adventure)* dan juga alam semula jadi *(nature);* di samping memastikan kualiti infrastruktur serta pemberian perkhidmatan pelancong akan terus dipertingkatkan untuk menarik serta meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara ini.

Pada tahun 2024, jumlah pelancong dari luar negara, ketara meningkat dengan rekod melebihi 92 peratus peningkatan dari tahun 2023. Dengan peningkatan ini, industri pelancongan dalam negara mula beransur-ansur kembali ke landasan yang betul serta kondusif bagi perusahaan pelancongan. Beberapa inisiatif dan projek baharu sedang diungkayahkan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan seperti pembangunan produk-produk pelancongan *(niche product)* fokus kepada pelancongan berteraskan kebudayaan dan semula jadi.

Di samping kerja-kerja menaik taraf infrastruktur dan perkhidmatan pelancongan, beberapa inisiatif bagi dukungan program pengukuhan pasaran dan promosi memperkenalkan pakej pelancongan di luar negara juga dilaksanakan untuk menarik lebih banyak pelancong memilih Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi pelancongan. Di samping itu juga, beberapa Memorandum Persefahaman dengan beberapa negara dan agensi telah dimeterai dalam bidang pelancongan.

Alhamdulillah, tahun 2024 telah mencatatkan kejayaan inisiatif yang dirancang awal oleh kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan. Ejen-ejen pelancongan dan penyedia perkhidmatan pelancongan telah mula menampakkan hasil setelah menyertai pameran pelancongan antarabangsa, mengadakan sesi *networking* bersama ejen pelancongan luar negara dan menjemput ejen pelancongan dan *influencer* bagi lawatan suai kenal ke negara ini.

Selain itu, dengan kerjasama di antara tiga kementerian; Kementerian Kewangan dan Ekonomi, KSSUP dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, juga telah mengadakan Ekspo Produk Tempatan (Local Product Expo) selama tiga tahun berturut-turut sempena Brunei Disember Festival. Ekspo ini adalah satu platform bagi mengetengahkan produk- produk dan perkhidmatan yang telah dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan termasuk dari Majlis Perwakilan Kampung (MPK) dalam 13 kategori atau kluster.

Seterusnya, fokus ketiga adalah usaha-usaha dari aspek memenuhi keperluan serta kepentingan terhadap pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan. Dalam perkara ini, pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan, akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam membangun, melindungi serta memulihara sumber hutan negara akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan prinsip pembangunan yang mampan *(sustainable development)*.

Negara ini juga buat pertama kalinya telah memperkenalkan Logo Brunei Wood untuk meningkatkan penjenamaan dan pasaran produk perkayuan tempatan. Penggunaan logo tersebut ke atas produk-produk perkayuan tempatan bagi mengesahkan produk tersebut adalah buatan tempatan yang telah diiktiraf berkualiti tinggi serta menggunakan bahan kayu yang dibekalkan dari sumber hutan yang mampan *(sustainable)*, inisiatif ini diharap akan meningkatkan lagi permintaan kepada produk kayu Brunei.

Dalam memenuhi komitmen kementerian melalui Jabatan Perhutanan untuk penyelarasan di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, setakat ini, inisiatif penanaman anak-anak pokok telah mencapai 37 peratus dari sasaran 500,000 penanaman anak pokok menjelang tahun 2035.

Industri perhutanan dan produk hiliran serta nilai tambah dari sumber perhutanan juga digalakkan bagi terus menyumbang kepada peningkatan KDNK. Selain itu, Kementerian akan meneruskan inisiatif penerokaan pasaran Carbon Trading yang mempunyai manfaat ekonomi bagi memberikan hasil tambahan di samping keluaran perusahaan dari sumber perhutanan di negara ini.

**Penutup**

Peramba / kaola / saya tidak akan bercakap dengan panjang lebar lagi dan insyaaAllah, penerangan lanjut mengenai dengan pencapaian serta inisiatif-inisiatif dan perancangan Kementerian ini akan dikongsikan dalam sesi taklimat nanti.

Apa yang peramba / kaola / saya harapkan agar dengan sesi taklimat dan seterusnya melalui Sesi Muzakarah yang akan diadakan nanti, ianya akan dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat yang berguna mengenai dengan perkembangan dan prestasi pencapaian industri sumber-sumber utama dan pelancongan di sepanjang tahun 2024; dan juga pencerahan mengenai dengan hala tuju kementerian ke arah mendukung usaha negara dalam mempelbagaikan dan meningkatkan ekonomi; memastikan bekalan makanan adalah terjamin serta meningkatkan eksport.

Peramba / kaola / saya ingin menegaskan bahawa keupayaan negara dalam membangunkan ekonomi bukan hanya terletak pada usaha kerajaan sahaja tetapi juga bergantung kepada sokongan, inovasi dan daya saing sektor swasta serta rakyat keseluruhannya.

Di samping itu, peramba / kaola / saya juga mengalu-alukan cadangan serta idea-idea baharu dari Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, bagi sama-sama membantu kementerian ini dalam mencapai visi dan misinya. Marilah kita bersama-sama terus berusaha untuk membangunkan Brunei sebagai negara yang berdaya tahan, makmur dan bersaing di peringkat antarabangsa. Semoga sesi ini akan memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# PASUKAN ECO-DRIVE UTB BERSAING DI SHELL ECO-MARATHON, DOHA



AHLI-Ahli Eco-Drive Team 2025 dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) bersedia untuk bersaing dalam Shell Eco-marathon Asia Pacific & Middle East 2025 di Litar Antarabangsa Lusail, Doha dari 8 hingga 12 Februari 2025 (kanan dan atas).




Siaran Akhbar : Universiti Teknologi Brunei
Foto : Ihsan CCO Affendi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Seramai 12 Ahli Eco-Drive Team 2025 dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) bersedia untuk bersaing dalam Shell Eco-marathon Asia Pacific & Middle East 2025 di Litar Antarabangsa Lusail, Doha dari 8 hingga 12 Februari 2025.

Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD), mereka akan berlumba menggunakan prototaip Battery Electric iaitu Pahlawan IX yang mempamerkan inovasi dan kecekapan tenaga.

Eco-Drive Team 2025 menghimpunkan kumpulan dinamik individu berbakat, termasuk Awang Zikry Amani bin Azma'in, Pengiran Ahmad 'Arif Hidayatullah bin Pengiran Haji Rosli, Awang Muhammad Rifqi bin Haji Masnawi, Awang 'Ali Basyiruddin bin Haji Aminnuddin, Awang Muhammad A'zizul Faiz bin Aldi, Dayangku Izz Diana binti Pengiran Yusyeeman, Dayang Fatin Amani binti Awang Haji Abd. Azis, Awang Muhammad Aiman Nasruddin bin Muhammad Nasif, Awangku Muhammad Danish Wafiq bin Pengiran Andy Musshaddad dan Dayang Darwisyah Hanania binti Mushiri Zulkhibri.

Mereka akan diiringi oleh Pengiran Dr. Seri Rahayu binti Pengiran Ya'akub, yang bertindak sebagai Penyelia Pasukan dan ketua teknikal dalam aspek mekanikal. Manakala Awang Haji Azim bin Haji Said pula mengetuai bahagian teknikal elektrik.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Mohammad Saiful bin Haji Omar.

# BIBD terima anugerah Brunei Health and Wellness Initiative of the Year



Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam




BANK Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini memenangi Anugerah Brunei Health and Wellness Initiative of the Year - Banking pada Asian Management Excellence Awards 2025 (atas dan atas kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini telah diiktiraf atas komitmennya di dalam perihal kesejahteraan tempat kerja dan komuniti, apabila memenangi Anugerah Brunei Health and Wellness Initiative of the Year – Banking pada Asian Management Excellence Awards 2025.

Majlis penganugerahan tersebut berlangsung di Bangkok, Thailand. Menerima anugerah berkenaan bagi pihak BIBD ialah Timbalan Ketua Pegawai Operasi BIBD, Lyndsay Spray.

Pengiktirafan berkenaan menonjolkan impak inisiatif Duta Kesejahteraan BIBD, iaitu sebuah program perintis yang memperkasa pekerja BIBD dan rakan kongsi strategik untuk berkhidmat sebagai responden pertama dalam kecemasan kesihatan fizikal dan mental.

Dengan melengkapkan duta dengan kemahiran penting untuk menyelamatkan nyawa dan sokongan psikologi, BIBD telah mentakrifkan semula peranan institusi kewangan dalam memperjuangkan kesejahteraan holistik.

BIBD percaya bahawa mempromosi kesejahteraan fizikal dan mental adalah kunci untuk mewujudkan tenaga kerja yang bukan sahaja bahagia dan produktif tetapi juga mampu menyumbang secara bermakna kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Inisiatif Duta Kesejahteraan BIBD mencerminkan komitmen kami terhadap kepercayaan ini, memastikan bahawa warga NBD dan rakan sekerja diperlengkapkan untuk menyokong masyarakat NBD yang luas.

"Sebagai Rakan Kemajuan NBD, adalah menjadi harapan kami agar pendekatan ini memberi inspirasi kepada organisasi lain untuk menerima pakai inisiatif yang sama, memupuk budaya kesejahteraan holistik merentas industri dan masyarakat secara amnya," kata Lyndsay Spray.

Sejak dilancarkan pada 2022, inisiatif Duta Kesejahteraan BIBD telah memainkan peranan penting dalam usaha kesihatan di tempat kerja dan komuniti.

Secara dalaman, program berkenaan telah mengukuhkan penglibatan pekerja, dengan lebih 1,000 pekerja mendapat manfaat daripada pemeriksaan kesihatan pada 2023, di samping pengenalan inisiatif advokasi kesihatan mental yang menyediakan ruang selamat untuk sokongan psikologi.

Di luar tempat kerja, Duta Kesejahteraan BIBD telah secara aktif menyokong acara peringkat kebangsaan, termasuk berkhidmat di barisan hadapan semasa pandemik COVID-19, menyediakan bantuan perubatan dan psikologi semasa Perarakan Perkahwinan Diraja, dan menawarkan sokongan responden pertama pada perhimpunan awam utama.

Sumbangan mereka telah menjadikan mereka aset komuniti yang diiktiraf, membantu pasukan tindak balas kecemasan dan memastikan keselamatan awam pada majlis-majlis besar.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan mereka terhadap kesihatan awam, Duta Kesejahteraan BIBD juga telah menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma di pelbagai acara kebangsaan, dan terbaharu di BIBD Mega Karnival, dengan pengunjung dapat menerima penilaian dan konsultasi kesihatan.

Anugerah berkenaan juga mengukuhkan keselarasan BIBD dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals-SDGs) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, khususnya SDG 3, iaitu (Good Health and Well-being); dan SDG 8, iaitu (Decent Work and Economic Growth), serta Wawasan Brunei 2035 yang memperlihatkan NBD sebagai sebuah masyarakat berkemahiran tinggi dan sihat.

Pengiktirafan berkenaan mengukuhkan lagi kedudukan BIBD sebagai peneraju dalam kesejahteraan di tempat kerja dan komuniti advokasi, menunjukkan peranannya dalam memacu impak yang bermakna dan mampan.

# Memperkukuh hubungan kerjasama Pusat STEP, pemimpin sekolah






SUASANA Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 bertempat di Politeknik Brunei, Kampus Lumut (kiri dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar**

**BELAIT**, Sabtu, 8 Februari. – Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) hari ini mengadakan Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 bertempat di Politeknik Brunei, Kampus Lumut.

Seramai 42 orang pemimpin sekolah serta wakil dari sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam dari Kluster 6 di bawah Kementerian Pendidikan menghadiri sesi berkenaan.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pegawai Pelajaran Kanan dari Pusat STEP, Awang Misli bin Moksin yang menjelaskan mengenai Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics (STEAM) sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sesi diteruskan dengan perkongsian mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat STEP, termasuk Program STEAM dan inisiatif hijau, serta hubung kaitnya dengan program-program yang ditawarkan di peringkat kebangsaan, serantau, dan antarabangsa.

Sesi tersebut juga diisikan dengan pengumuman dan penyampaian sijil kepada para penerima STEAM Active School 2024. Pengiktirafan tersebut diberikan kepada sekolah-sekolah yang giat dan aktif menyertai program-program anjuran Pusat STEP pada tahun 2023 dan 2024. Penerima STEAM Active School 2024 bagi Kluster 6 dalam Kategori Sekolah Rendah ialah Sekolah Rendah Lumut, manakala bagi Kategori Sekolah Menengah dan Pusat Tingkatan Enam ialah Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Para pemimpin sekolah turut diberikan peluang untuk bersemuka dan berbincang dengan pegawai fokal bagi program-program yang disediakan Pusat STEP. Perbincangan tersebut bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kandungan dan kepentingan Program-program STEAM serta inisiatif hijau yang telah dibarigakan. Melalui sesi ini, diharapkan para pemimpin sekolah dapat memahami dengan lebih jelas tahap pelaksanaan Program STEAM dan inisiatif hijau di sekolah masing-masing.

Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 ini juga bertujuan untuk membina kepercayaan serta memperkukuh hubungan kerjasama antara Pusat STEP dan para pemimpin sekolah. Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, memperluas penyertaan dan menggalakkan penglibatan aktif sekolah dalam perkhidmatan serta program-program yang disediakan Pusat STEP, bagi memastikan pelaksanaannya di peringkat sekolah berjalan dengan mantap dan berkesan dalam jangka masa panjang.

Sesi itu juga turut disampaikan kepada pemimpin-pemimpin sekolah serta wakil daripada semua kluster di bawah Kementerian Pendidikan dan akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

# PUJA ADAKAN MATPP BAGI TAHUN 2024-2025

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**








PERTUBUHAN Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei semasa mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertengahan Penggal (MATPP) bagi Tahun 2024-2025 (atas, atas kiri dan bawah kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertengahan Penggal (MATPP) bagi Tahun 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, hari ini.

Lebih 100 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Tertinggi PUJA, Ahli-ahli Berdaftar PUJA dan juga para pegawai kerajaan menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat edisi kali ini dipengerusikan oleh Presiden PUJA, Sr. Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Pada MATPP tersebut, seramai 11 Ahli Majlis PUJA membentangkan laporan mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh PUJA dan antaranya ialah acara penanaman pokok yang dianjurkan bersama dengan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan iaitu penanaman 40 anak pokok di kawasan Taman Mahkota Jubli Emas.

Laporan antara lain menghuraikan mengenai aktiviti yang dilakukan oleh setiap bahagian dalam masa setahun sehingga MATPP, di samping mengongsikan kemajuan yang telah dicapai serta sumbangan yang dihulurkan tidak hanya di dalam industri, malah di dalam masyarakat.

PUJA adalah sebuah institusi profesional yang ahli-ahlinya terdiri daripada profesional, pengamal, graduan dan pelajar dari tiga disiplin utama iaitu Juruukur Bahan, Kejuruteraan (terdiri daripada profesional dalam Sektor Awam dan Struktur, Mekanikal & Elektrikal, Perkhidmatan Bangunan, dan Petrokimia) serta Arkitek.

Ditubuhkan pada tahun 1984, salah satu objektif PUJA Brunei adalah untuk mempromosikan standard tingkah laku profesional yang diperlukan daripada ahli-ahli institusi tersebut demi kepentingan awam dan profesion.

## سروان سوچي

# ممدولي دان مڽايڠي أنق يتيم تڠݢوڠجواب برسام

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسوڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كحيدوڤن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أݢام إسلام اداله أݢام يڠ مڽوروه أومتڽ اونتوق هيدوڤ ساليڠ بنتو-ممبنتو دان تولوڠ-منولوڠ، كران إسلام اداله أݢام يڠ منتيڠكن هوبوڠن يڠ بايك. مك دڠن چارا دمكين اكن داڤت منجاديكن أومت إسلام سباݢاي أومت يڠ قوات دان برساتو ڤادو، داڤت منيمبولكن ڤراسأن حرمت-مڠحرمتي دان سايڠ-مڽايڠي تنڤا مڠيرا كلوارݢ، قوم كرابت، راكن، جيرن ماهوڤون اورڠ يڠ تيدق دكنلي. ساله ساتو چارا اونتوق ملقسناكن كونسيڤ تولوڠ-منولوڠ اتاو بنتو-ممبنتو اياله دڠن عمالن برصدقه.

ملالوءي عمالن صدقه داڤت ملاتيه جيوا سسأورڠ ايت اونتوق منجادي اورڠ يڠ بلس كاسيهن، بركاسيه سايڠ، جاوه دري برصفة ڤنتيڠكن ديري سنديري دان سباݢاين. برصدقه جوݢ اداله ساله ساتو چارا ممبلنجاكن هرتا ڤد جالن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. اين كران توجوان سسأورڠ برصدقه ايت اداله أتس داسر اونتوق مندكتكن ديري كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

برصدقه سام اد دڠن واڠ ريڠݢيت اتاو لاينڽ مروڤاكن عمالن مليا يڠ ممبري كأونتوڠن كڤد اورڠ يڠ مڠلواركنڽ دان اورڠ يڠ منريماڽ. اورڠ يڠ برصدقه منداڤت بالسن ڤاهلا، سمنتارا باݢي اورڠ يڠ منريماڽ ڤولا داڤت مڠݢوناكن صدقه ترسبوت باݢي ممنوهي كڤرلوان هيدوڤڽ. ڤد حقيقتڽ، هرتا يڠ دصدقهكن بوكنڽ بركورڠ، ماهن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ اكن مڠݢنتيكن دان منمبه هرتاڽ دڠن برليڤت كالي ݢندا. فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة الحديد أية ١٨:

تفسيرڽ:

**سسوڠݢوهڽ اورڠ-اورڠ يڠ برصدقه لاكي-لاكي دان ڤرمڤوان سرت (ماهو) ممبريكن ڤينجامن كڤد الله سباݢاي ڤينجامن يڠ بايك (دڠن ممبلنجاكن هرتا ڤد جالن الله) اكن دݢنداكن ݢنجرن كڤد مريك دان مريك اكن برأوليه ڤاهلا يڠ باڽق.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

برصدقه مروڤاكن ساله ساتو چارا اونتوق ممبنتو ݢولوڠن يڠ كورڠ بركممڤوان دان يڠ ممرلوكن بنتوان سڤرتي ݢولوڠن فقير دان ميسكين، ترماسوقله جوݢ أنق-أنق يتيم. مڠنأي أنق-أنق يتيم اين، أݢام إسلام اداله ساڠت مڠمبيل برت تنتڠ حال إحوال دان كباجيقن مريك. جوسترو، اداله منجادي تڠݢوڠجواب كيت سموا اونتوق مڠمبيل برت ترهادڤ أنق-أنق يتيم لبيه-لبيه لاكي اورڠ يڠ دڤرتڠݢوڠجوابكن اونتوق منجاݢ أنق يتيم ترسبوت.

رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا تله ممبريتاهو تنتڠ كدودوقن يڠ مليا دشرݢ باݢي اورڠ يڠ منجاݢ أنق يتيم. درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **كَافِلُ الْيَتِيمِ لَهُ أَوْ لِغَيْرِهِ، أَنَا وَهُوَ كَهَاتَيْنِ فِي الْجَنَّةِ، وَأَشَارَ مَالِكٌ بِالسَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى.**

**مقصودڽ:**

**ڤنجاݢ أنق يتيم درڤد قرابت اتاو بوكن قرابتڽ، ساي دان ڤنجاݢ ايت اداله سڤرتي دوا جاري اين ددالم شرݢ. مالك (ڤريواية حديث) مڠإشارتكن دڠن جاري تلونجوق دان جاري هنتو. {حديث رواية إمام مسلم}**

سلاين ايت، كيت جوݢ دڤرينتهكن اونتوق برسيكڤ لمه لمبوت دان بربوات بايك كڤد أنق يتيم. فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة البقرة أية ٨٣:

تفسيرڽ:

**دان بربوات بايكله كڤد إيبو باڤ، قوم قرابت دان أنق-أنق يتيم سرتا اورڠ-اورڠ ميسكين.**

سسوڠݢوهڽ ݢنجرن يڠ دبريكن ترهادڤ ڤرلاكوان بايك كڤد مريك أمت بسر دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. ادڤون ساله ساتو درڤد ڤرلاكوان بايك ترهادڤ أنق يتيم ايت اياله دڠن مڠهولوركن بنتوان كڤد مريك لبيه-لبيه لاݢي باݢي أنق-أنق يتيم يڠ هيدوڤ سوسه دان تيدق منداڤت ڤنجاݢأن يڠ سواجرڽ. بنتوان يڠ دهولوركن سام اد بروڤا واڠ ريڠݢيت اتاو بارڠ-بارڠ كڤرلوان بوكن سهاج داڤت مڠورڠكن بيبن مريك، بهكن جوݢ داڤت منيمبولكن كبهاݢيأن دان ككمبيرأن دهاتي مريك.

الحمدلله مشاركت كيت ماسيه كاي دڠن صفة كاسيه سايڠ، سيمڤاتي دان برتڠݢوڠجواب ترهادڤ أنق-أنق يتيم. باڽق ڤيهق برأوسها اونتوق مڠومڤولكن دانا باݢي ممبري بنتوان كڤد مريك سام اد دري ڤيهق كراجأن، سواستا اتاوڤون ڤرسنديرين. باڽق كموداهن جوݢ دسدياكن اونتوق كيت مڠهولوركن صدقه اتاو درما، انتاراڽ ملالوءي خدمت ڤسانن ريڠكس (SMS)، يايت ڤروجيك SMS بروني ڤريهاتين باݢي دانا ڤڠيران مودا مهكوتا المهتدى بالله اونتوق أنق-أنق يتيم يڠ تله دبوكاكن سلاما ٩ بولن مولاءي ٢ دسيمبر ٢٠٢٤ يڠ لالو سهيڠݢ ٢ سيڤتيمبر ٢٠٢٥.

ڤروجيك تاهونن اين مروڤاكن ساله ساتو أوسها دانا باݢي ممودهكن اورڠ راماي اونتوق مڠهولوركن سومبڠن مريك ملالوءي ڤرخدمتن SMS باݢي سام-سام ممبنتو أنق-أنق يتيم دنݢارا بروني دارالسلام.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ممندڠكن برصدقه اتاو مندرما اداله عمالن مليا دان دجنجيكن ݢنجرن يڠ ساڠت بسر، ماريله كيت ملازيمكن ديري اونتوق برصدقه اتاو بردرما، تيدق كيرا سام اد باڽق اتاو سديكيت، اڤ يڠ ڤنتيڠ اداله نية يڠ إخلاص كران الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. موده-مودهن سݢل يڠ كيت إنفقكن دان درماكن دڠن تولوس إخلاص دتريما اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دان دڠنڽ رزقي كيت سماكين برتمبه، بركت، منداڤت كريضأن دان رحمة يڠ برڤنجاڠن درڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرڽ:

**(مڠنأي اوروسن-اوروسن كامو) ددنيا دان دأخيرة. دان مريك برتاڽ لاݢي كڤد مو (واهاي نبي محمد) مڠنأي أنق-أنق يتيم. كاتاكنله (كڤد مريك): ممڤربايكي كادأن مريك أمتله بايك. دان جك كامو برچمڤوركاول دڠن مريك (تيدق اد سالهڽ) كران مريك اياله سودارا-سودارا كامو (يڠ سأݢام). دان الله مڠتهوي اورڠ يڠ ممبوات كروسقكن (ڤد هرتا بندا مريك) درڤد اورڠ يڠ هندق ممڤربايكيڽ. دان جك الله مڠهندقي تنتوله دي ممبرتكن كامو (دڠن ملارڠ كامو برچمڤور كاول دڠن مريك). سسوڠݢوهڽ الله مها ڤركاس لاݢي مها بيجقسان. {سورة البقره أية: ٢٢٠}**

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذکر بچاءن يڠ ممباوا کبراونتوڠن ساڠت بسر کڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللّٰهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / BKS / 004 [JPPK / LTK / 02 / 2024]
Renovation Works of Payroll Office and MT Office 1st Battalion, Royal Brunei Land Force, Berakas Garrison

**Tarikh Mula Tawaran:**
10 Februari 2025

**Kelas:**
II dan ke Atas Sahaja

**Kategori:**
KA01 atau B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Enam (6) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 4 Mac 2025**

**Waktu Tutup Tawaran Semasa Bulan Ramadhan:**
11 Mac 2025. (Selasa)
Jam 12.00 Tengah Hari.

**Pemberitahuan Tawaran**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / RC / 197 (5)
Supply Of Ration Food Packet for The Royal Brunei Armed Forces – Five (5) Years Contract

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Selasa, 25 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
11 Mac 2025.
2.00 Petang.

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / RC / 255 (5)
Supply of P.O.L (Petrol, Oil And Lubricants) and Consumable Items For The Royal Brunei Air Force – (2) Two Years Contract

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **Isnin, 10 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
4 Mac 2025.
2.00 Petang.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Rujukan Iklan:**
CCTVUPER / 2025 / JAPEM / RB

**Tajuk Iklan:**
The Proposal, Installation, Configuration, Commissioning, Testing, Training And Maintenance Of CCTV Surveillance System At Rumah Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan Subok Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
25 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Sebut Harga Bagi :**
To Remove Existing, Supply And Install New roller Shutter At Balai Bomba Bandar Seri Begawan (RUJ: JBP / TSH / 66 / 2024 - 2025)

**Sebut Harga Bagi :**
Kontrak Berpenggal Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput, Pemotongan Dahan Pokok Dan Membersihkan Longkang Kawasan Dan Sekitar Kawasan Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bagi Tempoh 12 Bulan - (RUJ: JBP / TSH / 67 / 2024 - 2025)

**Tarikh Tutup / Jam:**
Khamis,
13 Februari 2025.
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
III, IV & V

**Kategori:**
E01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
4 Februari 2025.

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
18 Februari 2025.
Tidak Lewat dari jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 05 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrak Terma Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Elektrikal Untuk Flat-Flat Dan Kediaman Kerajaan (Zon 'F') Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
III & IV

**Kategori :**
KA01 & B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
4 Februari 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 01 / CQS / 2025-T / III

**Nama Projek:**
Pembinaan Centralised Store (CES), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Kampong Anggerek Desa

**Kelas :**
II & III

**Kategori :**
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
4 Februari 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 02 / CQS / 2025-T / II

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Masalah Endapan Tanah Dan Struktur Bangunan Di Sekolah Junjongan

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 18 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**
VI

**Kategori :**
B01, KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
18 Februari 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND2000.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 44 / CQS / 2024-T / VI

**Nama Projek:**
Bangunan Tambahan RTB – Pembinaan Blok Operasi Penyiaran dan Dewan Serbaguna Studio Di Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar – Design And Build

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
15 April 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga : KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.33**
Tawaran Perkhidmatan Membekal Hadiah Iringan Berbentuk Kristal Untuk Peserta-Peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1445 Hijrah

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga : KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.33**
Tawaran Perkhidmatan Membekal Hadiah Iringan Berbentuk Kristal Untuk Peserta-Peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1446 Hijrah

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu,
19 Februari 2025,
Jam 2.00 Petang.

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 49 / 2010**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang:** Dk. Noorsiah binti Pg. Hj. Ibrahim (BYIC No.: 00-073516). **Alamat** – No.24, Jalan 84, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 49 Tahun 2010 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 25%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
17 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 149 / 2008**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang:** Awang Ali Ismail bin Haji Jais (BYIC No.: 00-255293). **Alamat** – No.10, Jalan 3, Simpang 15, RPN Kg.Rimba Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.**Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 149 Tahun 2008 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 12%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 18 September 2024.**Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
19 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 150 / 2008**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang:** Ahad bin Haji Taha (BYIC No.: 00-074176). **Alamat** – No.2, Simpang 49, Jalan Nenas Sangol, SKRJ Katok B, Kg.Mata-Mata Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 150 Tahun 2008 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 54%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
19 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 327 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang:** Mohd Norizan bin Abdullah – 2nd Judgement Debtor (BYIC No.: 00-063531) .Deceased **Alamat** – No.27, Simpang 64-48, Jalan Binglu Barat, Kampung Perumahan Tanah Jambu, BU1129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 327 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 31%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** – 5 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
19 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 330 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang:** Jafry bin Haji Abu Bakar (BYIC No.: 00-123249). **Alamat** – No.2, Jalan 99, Simpang 9-20-18, RPN Kampung Rimba, Gadong BE3319, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 330 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 22%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 5 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
19 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 415 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang:** Nurul Hazieyah binti Yusri (BYIC No.: 01-1030577).**Alamat** – No.35, Simpang 164, Jalan Paya Bunga Merah, Pasai 1, Sengkurong BG2121, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 415 Tahun 2015 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 15%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** – 25 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
19 Oktober 2023

**Nurul Hidayah binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**Kes No.**
**BCY / CP / 302 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang:** Daraman Anak Igol (BYIC No.: 00-129143). **Alamat** – No.47, Simpang 17, Jalan Keruak, RPN Kampung Panchor Panaga, Seria Kuala Belait, KB4533, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 302 Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 50%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 12 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
21 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 315 / 2006**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang:** Haji Abd Rahman bin Awg. Haji Damit (Allahyarham) (BYIC No.: 00-063304). **Alamat** – No.4, Simpang 41-24, Jalan D, RPN Kg. Mentiri, BU2129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 315 Tahun 2006 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 1.8%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 12 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
21 Oktober 2023

**Kes No.**
**BCY / CP / 340 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang:** Shahminan bin Aji (BYIC No.: 00-282989). **Alamat** – No.88, Simpang 82, STKRJ Kg. Rimba Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 340 Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 49%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** – 10 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
30 Oktober 2023

**Nur Sariy Syammina binti Jaffri**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**Kes No.**
**BCY / CP / 474 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Keempat dan Terakhir**

**Nama Penghutang:** Rahimah binti Haji Gani (BYIC No.: 00-127506). **Alamat** – No.3, Simpang 35, Jalan Basong, STKRJ Kg. Lugu BG2921, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 474 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** – 3 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
21 Oktober 2023

**Fatin Fikriyah binti Haji Rosli**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
JPP / 1 / 3 / 16 / 8 / 24-25
Quotation for Supply, Delivery and Installation of Zebra Blinds with Centre Panel to Cover Light and Supply and Installation of WPC Decorative Wall Panels and Marble Sheets with Glue Management Services Department, Prime Minister's Office, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan

**Yuran Sebut Harga (Termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Sabtu,
15 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Bilangan Tawaran:**
UBD / E8 / 007 / 2024 – (T)

**Keterangan:**
Perkhidmatan Membekalkan Bahan Mentah (Makanan Basah Dan Kering) Secara Kontrak Selama Dua (2) Tahun Untuk Pusat Kajian Luar Kuala Belalong (KBFSC), Universiti Brunei Darussalam

**Bayaran Dokumen Dan Pentadbiran:**
(termasuk e-Dokumen)
BND 35.00
[Tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Tidak lewat jam
2.00 Petang.
Selasa,
25 Februari 2025.

**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# PPNBD SERTAI THE 10TH SHARJAH INTERNATIONAL SCOUT GATHERING






**PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) akan menghadiri The 10th Sharjah International Scout Gathering di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dari 8 hingga 16 Februari 2025 (kiri), manakala gambar kanan, sebelum berlepas ke Sharjah, UAE, Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) akan menghadiri The 10th Sharjah International Scout Gathering di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dari 8 hingga 16 Februari 2025.

PPNBD diwakili oleh Awang Muhammad Hadi Sharil bin Haji Mesi, Pengakap Kelana dari Pasukan Pengakap Kelana 1101, Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Program yang berprestij ini dianjurkan oleh Persatuan Pengakap UAE melalui Misi Pengakap Sharjah, dengan kerjasama Organisasi Pengakap Arab.

Perhimpunan ini dijangka menghimpunkan lebih daripada 100 peserta dari lima wilayah pengakap dunia, termasuk Wilayah Pengakap Arab, Afrika, Asia-Pasifik, Eropah, dan Inter-Amerika.

Acara ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan persaudaraan dan pertukaran budaya dalam kalangan Pengakap Kelana dari pelbagai negara di seluruh dunia.

Penyertaan ahli pengakap Kelana PPNBD dalam 10th Sharjah International Scout Gathering adalah satu penghormatan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan PPNBD kerana penyertaan tersebut membuktikan pengiktirafan terhadap peranan aktif negara dalam gerakan pengakap global.

Sebelum berlepas ke Sharjah, UAE, Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan NBD telah diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Bendera kebangsaan berkenaan diserahkan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin kepada Awang Muhammad Hadi Sharil bin Haji Mesi.

Turut hadir di LTAB ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Awang Mohammad Arif bin Abd Hadi, Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Ritchie Siabu, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap serta ahli-ahli Pengakap Kelana.

# Pusat CACHE ISB terima lawatan Laser Learning



**PENGARAH Laser Learning, Vivette Eaton semasa membuat lawatan ke Pusat CACHE ISB.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Pusat CACHE Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), satu-satunya penyedia vokasional diploma NCFE CACHE di Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini menganjurkan lawatan dari Laser Learning, sebuah syarikat perisian e-Pembelajaran yang berpangkalan di United Kingdom (UK).

Pengarah Laser Learning, Vivette Eaton membuat lawatan ke Pusat CACHE ISB dari 14 hingga 17 Januari 2025 lalu sebagai pemerhati pusat tersebut bagi kelayakan NCFE CACHE, iaitu kelayakan profesional untuk orang dewasa pada tahun-tahun awal, pengajaran dan pembelajaran serta pendidikan keperluan khas.

Platform pembelajaran dalam talian Laser Learning disokong oleh organisasi penganugerah NCFE CACHE dan digunakan di seluruh UK dan antarabangsa. Pusat CACHE ISB menggunakan e-Portfolio Laser Learning dan sumber untuk menyokong pelajar mencapai kelayakan vokasional mereka.

Ketua Pusat CACHE ISB, Nadine Nelson berkata, “Kami sangat teruja menghoskan Vivette Eaton dalam lawatannya ke negara ini dan penglibatan beliau bersama pasukan Early Years dan kakitangan yang terlibat dengan program latihan. Beliau adalah sebahagian daripada Pusat CACHE ISB, dengan syarikatnya menyediakan sistem e-Portfolio yang digunakan oleh semua pelajar semasa kelayakan Kursus CACHE mereka”.

"Dengan pengalaman luas di pusat antarabangsa yang menawarkan Kursus CACHE, lawatan beliau memberikan peluang untuk mengukuhkan perkongsian kami dan mendapatkan pandangan pakar beliau mengenai program latihan kami," tambah Nadine Nelson.

Mengimbas kembali lawatannya, Vivette Eaton berkata, "Pasukan Early Years mengikuti Rangka Kerja Peringkat Asas Early Years seperti yang digunakan di UK, dengan kakitangan yang sudah mempunyai kelayakan Level 3 Early Years UK CACHE dan yang lain dalam latihan untuk kelayakan itu".

"Ruang yang mereka ada di dalam dan luar ISB serta sumber yang ada menjadikan pengalaman pembelajaran yang sangat baik. Perkara yang tidak boleh dipandang remeh ialah sumber paling berharga yang mereka ada, dan itu adalah pasukan kakitangan yang profesional dan bermotivasi tinggi yang bertujuan untuk meningkatkan hasil untuk kanak-kanak, mewujudkan rakyat yang bersosial, berpengetahuan, prihatin terhadap masa depan. Melangkah ke bahagian Early Years sekolah adalah seperti melangkah ke persekitaran keluarga yang menjaga dan menerima. Ia adalah pengalaman yang benar-benar indah, dan saya tidak sabar untuk melihat apa yang dicapai oleh Pusat CACHE ISB pada masa hadapan," tambah Vivette Eaton.

Kelayakan CACHE diakreditasi oleh Kementerian Pendidikan Brunei dan NCFE UK.



# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN peserta yang mengikuti Kursus Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



ANTARA yang hadir mengunjungi salah satu aktiviti program yang disertai oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ma'had Islam Brunei dan SUAMPRIPAHS selaku tuan rumah. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

PERKAHWINAN campur bukan sekadar penyatuan dua individu tetapi turut memainkan peranan besar dalam memperkukuh perpaduan masyarakat. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.





SEKITAR Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah Menengah Menglait Gadong. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

ANTARA yang menyertai acara keluarga dan komuniti iaitu 'Sung Nio Jati Li Mukim Telisai' yang berlangsung di kawasan lapang berdekatan Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



ANTARA aksi menarik pada perlawanan Liga Super Brunei 2024 / 2025. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



# TINGKATKAN KEIMANAN KEPADA ALLAH MELALUI TADABBUR AL-QURAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid



**TUTONG**, Sabtu, 8 Februari. - Membaca Al-Quran merupakan langkah pertama dalam berinteraksi dengannya, kemudian diteruskan lagi dengan *tadabbur*, iaitu dengan merenungkan dan memahami makna Al-Quran secara meluas, lalu mengamalkannya dalam kehidupan seharian, kemudian dilanjutkan dengan mengajarkannya.

Tadabbur Al-Quran sangat penting dilakukan oleh umat Islam agar dapat memahami kekuasaan dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala dalam meningkatkan keimanan kepada-Nya serta dapat mencetus rasa *izzah* atau kemuliaan terhadap Al-Quran dan menambahkan keimanan serta penghayatan dalam amalan beragama.

Dalam pada itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Birau, Daerah Tutong mengadakan Program Tadabbur Ayat-ayat Syifa Al-Quran yang berlangsung di Masjid Kampung Birau, Daerah Tutong, pagi tadi.

Program berkenaan bertujuan untuk memberi pemahaman tentang maksud ayat-ayat Al-Quran melalui tafsirannya secara meluas di samping untuk memberi pengetahuan akan rahsia mukjizat dan tuntutan sebenar dalam Al-Quran.

Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Ugama (Perantis), Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Dr. Dayang Nooraimah binti Sibuang.

Semoga dengan adanya program seumpama ini akan dapat menjadi medium dalam menambah keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk membudayakan Al-Quran demi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan harian.



**SEKITAR Program Tadabbur Ayat-ayat Syifa Al-Quran yang berlangsung di Masjid Kampung Birau, Daerah Tutong (atas dan atas kiri).**

# Bantu tingkatkan stok bekalan darah negara

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah di tahap yang rendah. Penderma darah bagi semua kumpulan darah adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini.

Kempen-kempen akan diadakan di Concourse Area, Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Institute of Health Sciences, Universiti Brunei Darussalam pada Selasa, 11 Februari 2025 bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang, sementara itu, pada Rabu, 12 Februari 2025 akan diadakan di Zainul Daud Sdn. Bhd., Jalan Perindustrian Sungai Bera bermula pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

McDonald's Brunei juga akan mengadakan Kempen Derma Darah di Tingkat I, Airport Mall pada Khamis, 13 Februari 2025 bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pukul 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Manakala pada Sabtu, 15 Februari 2025 akan diadakan di Lantai Bawah, Kompleks Membeli-belah Yayasan, Bandar Seri Begawan anjuran Guardian Brunei bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 hingga 4.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Selasa<br>11 Februari 2025<br>10.00 pagi hingga 3.00 ptang | Concourse Area,<br>Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah<br>Insitute of Health Sciences,<br>Universiti Brunei Darussalam |
| Rabu<br>12 Februari 2025<br>9.00 pagi hingga 2.00 petang | Zainul Daud Sdn Bhd, Jalan<br>Perindustrian Suugai Bera |
| Khamis<br>13 Februari 2025<br>9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan<br>1.00 petang hinga 3.00 petang | Tingkat 1, Airport Mall Anjuran<br>Mc Donald's Brunei |
| Sabtu<br>15 Februari 2025<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Lantai Bawah, Kompeks Membeli-belah Yayasan,<br>Bandar Seri Begawan<br>Anjuran Guardian Brunei |

# BDCB akan melaksanakan Kaji Selidik Rangkuman Kewangan

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah melantik Universiti Teknologi Brunei (UTB) untuk menjalankan Kaji Selidik Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan Negara Brunei Darussalam 2025 dari 24 Februari 2025 sehingga 30 Mac 2025.

Kaji selidik ini bertujuan untuk mengukur tahap rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengenal pasti sebarang jurang dan halangan dan meningkatkan lagi akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di negara ini.

Kaji selidik ini akan melibatkan seramai 2,600 individu dari seluruh negara untuk mewakili pelbagai lapisan penduduk. Temu bual akan dijalankan secara bersemuka dan akan mengambil masa tidak melebihi satu jam.

Sila ambil maklum bahawa soalan-soalan hanya akan ditumpukan kepada tingkah laku, akses, keutamaan dan keperluan kewangan individu dan isi rumah. Pihak BDCB dan pihak UTB ingin memberi jaminan kepada peserta kaji selidik bahawa sebarang maklumat yang dikumpul akan dirahsiakan dan digunakan untuk tujuan kaji selidik ini sahaja.

Pengumpul data yang dilantik oleh UTB akan menghubungi individu-individu yang telah dipilih untuk menjadualkan janji temu bagi menjalankan sesi temu bual serta membantu melengkapkan soal selidik.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengesahkan identiti pengumpul data dengan meminta pas kerja mereka yang dikeluarkan oleh UTB. Jika para peserta mempunyai sebarang keraguan atau kebimbangan bolehlah menghubungi pihak UTB menerusi talian +673 2461020 / 1 / 2 / 3 (waktu bekerja) bersama wakil perhubungan iaitu Profesor Kamariah Ismail atau Dr. Fahmi Ibrahim atau e-mel ke *fincsurvey@utb.edu.bn*.

Sokongan dan kerjasama para peserta dalam menjayakan kaji selidik ini adalah sangat dihargai dan akan memberikan sumbangan yang bermakna ke arah meningkatkan rangkuman kewangan di NBD.




# 45 PEMANDU PELANCONG SERTAI SESI LATIHAN DI TEMPAT BERSEJARAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) baru-baru ini mengendalikan tiga sesi latihan bagi 45 pemandu pelancong yang berdaftar dan berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan di tempat-tempat bersejarah di persekitaran Sungai Brunei termasuk Sungai Menglait dan juga Sungai Damuan.

Latihan ini adalah berpandukan laluan Brunei River Heritage yang memainkan peranan menerokai mercu tanda dan cerita sejarah dan budaya di sepanjang Sungai Brunei yang ikonik.

Sementara itu, River Safari menerokai hidupan liar seperti Monyet Proboscis, spesies burung berwarna-warni dan keindahan hutan bakau yang tenang di sepanjang Sungai Menglait dan Sungai Damuan.

Sungai Damuan terkenal sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang menawarkan keindahan pelbagai spesies flora dan fauna serta hidupan liar di sepanjang tebing sungai tersebut.

Latihan ini bertujuan untuk memberikan maklumat yang mendalam tentang perjalanan di masa lalu di zaman keemasan empayar Brunei sepanjang Sungai Brunei sambil menerokai hidupan liar yang terdapat di kawasan tersebut seperti adanya pelbagai spesies burung contohnya burung bangau dan Heron serta mengenal pasti akan flora dan fauna yang terdapat di sepanjang perjalanan aliran yang mana sungai-sungai ini dihiasi dengan pokok bakau dan pokok nipah.

Selain itu, para pemandu pelancong boleh mengetahui akan kepentingan ekosistem sungai bagi mengekalkan keseimbangan alam yang dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemeliharaan sumber air bersih.

Sesi latihan ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan khusus untuk pemandu pelancong supaya dapat menimba ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam memberikan perkhidmatan pemanduan yang lebih berkualiti kepada pengunjung ke persekitaran perairan Sungai Brunei, termasuk Sungai Menglait dan Sungai Damuan.

"Latihan ini sangatlah penting bagi pemandu pelancong dalam meningkatkan pengetahuan dan teknik yang terperinci dalam memberi panduan sepanjang persekitaran perairan Sungai Brunei di mana sebagai pemandu pelancong, kadang-kadang mungkin terlupa dan dengan adanya latihan ini ia boleh menyegarkan dan mengemaskinikan maklumat mengenai sejarah Sungai Brunei termasuklah flora dan fauna yang terdapat di kawasan tersebut," ujar pemandu pelancong, Awang Zulamri bin Haji Emran.

Manakala Dayang Ho Huey Voon@Venie, salah seorang pemandu pelancong yang mengikuti latihan tersebut juga menyatakan bahawa latihan ini adalah peluang yang terbaik dalam mempelajari fakta yang lebih lanjut mengenai sejarah, warisan, haiwan dan tumbuh-tumbuhan di sepanjang laluan perairan sungai.

Fakta yang telah dikongsikan adalah salah satu penceritaan yang menarik dan ia telah mengajar betapa pentingnya menimba ilmu itu dalam memberikan panduan kepada pelancong dengan maklumat yang terkini. Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.



**MELALUI program latihan ini, diharapkan pemandu pelancong akan dapat memberikan perkhidmatan pemanduan yang lebih profesional dan berkualiti kepada pengunjung (atas dan kiri).**

Melalui program latihan ini, diharapkan pemandu pelancong akan dapat memberikan perkhidmatan pemanduan yang lebih profesional dan berkualiti kepada pengunjung dan seterusnya mempamerkan keindahan Sungai Brunei termasuklah flora dan fauna yang terdapat di persekitaran sungai-sungai serta mengongsikan pengalaman yang positif tentang ekosistem Negara Brunei Darussalam kepada pelancong-pelancong.




## DARI MAHKAMAH

# Padah terima rasuah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Seorang Pegawai Imigresen hari ini mengaku bersalah di Mahkamah Majistret atas empat pertuduhan berkaitan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan menuntut dibicarakan bagi pertuduhan lain di bawah akta yang sama.

Defendan, Hajah Nurul Huda@Hajah Rusiati binti Abdullah, 34 tahun, mengaku melakukan empat pertuduhan di bawah Seksyen 6(a) Akta Pencegahan Rasuah kerana menerima rasuah sebagai pertukaran membenarkan warga asing keluar dari Negara Brunei Darussalam tanpa permit masuk semula yang sah.

Walau bagaimanapun, defendan telah membuat tuntutan dibicarakan atas pertuduhan di bawah Seksyen 12B yang berkaitan dengan salah laku dalam jawatan awam. Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Abdul Rahman memerintahkan defendan direman dan menetapkan perbicaraan lanjut pada 15 Februari 2025.

Menurut pertuduhan yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi, defendan telah menerima sejumlah BND500 sebagai rasuah daripada seorang individu antara bulan Oktober 2023 dan Julai 2024.

Sebagai balasan, defendan memudahkan perjalanan balik warga asing yang menyalahi undang-undang dengan memintas protokol imigresen di Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh.

Skim itu terbongkar apabila pihak Imigresen Malaysia di ICQ Miri mengesan penyelewengan dalam rekod perjalanan pada 17 Julai 2024. Siasatan merentas sempadan membawa kepada siasatan penuh oleh Biro Mencegah Rasuah, di mana defendan telah mengaku menerima rasuah secara tunai dan melalui pemindahan bank, yang digunakannya untuk perbelanjaan peribadi.

Di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Bab 131, mana-mana orang yang didapati bersalah atas kesalahan di bawah Seksyen 6(a) dan 12B berdepan hukuman penalti maksimum denda BND30,000 dan penjara hingga tujuh tahun jika sabit kesalahan.

## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'.** Tarikh Tutup : **12 Februari 2025**
2. **'Semai Semangat Patriotisme'.** Tarikh Tutup : **19 Februari 2025**
3. **'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia'.** Tarikh Tutup : **26 Februari 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap**dan**nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang




# محمد الإدريسي ڤريك ڤتا بومي

Oleh : Amalina Awang Haji Junggal dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

تله لاهير سأورڠ علمون إسلام ڤد تاهون ٤٩٣هـ/١١٠٠م دكوتا افريكا اوتارا چاوتا (سبتة)، مغربي برنام أبو عبد الله محمد بن محمد بن عبد الله بن إدريس الهاشمي القرشي. بلياو مروڤاكن كتورونن رسول الله ﷺ ملالوءي چوچو بݢيندا حسن ابن علي ابن أبي طالب يڠ سمڤاي كڤد كتورونن إدريسية العلوية راج٢ مغربي.

الإدريسي مولا منريما ڤنديديقن دچاوتا دان فاس سبلوم برڤينده كقرطبة. بلياو منونتوت علمو درڤد ڤارا علمون تركموك دسان دالم بيدڠ ݢيوݢرافي، استرونومي، ماتماتيك، ݢيوميتري، بيولوݢي، فرماسي دان كدوكتورن. بلياو جوݢ ݢمر دان سريڠ مڠكاجي كاريا٢ ڤنوليسن سهيڠݢ ماهير تراوتما سكالي دالم بيدڠ ݢيوݢرافي سڤرتي حاصيل ڤنوليسن بطليموس دان ابن حوقل. الإدريسي ماله تركنل سباݢاي سأورڠ اهلي ݢيوݢرافي هيبت دكالڠن ڤرادبن إسلام دان بارت.

بلياو ڤرنه ملاكوكن ڤنجلاجهن كمرات تمڤت سڤرتي كسمننجوڠ لاءوت تڠه، افريكا اوتارا، اندالوسيا، ڤرنچيس، سلاتن ايڠݢريس، صقلية دان لاءين٢. ملالوءي ڤنجلاجهن٢ ترسبوت، بلياو تله داڤت ممڤراوليهي ڤلباݢاي علمو ڤڠتاهوان دان ڤڠالمن ترماسوق دالم بيدڠ ݢيوݢرافي. ادكالان، ڤنجلاجهن بلياو اداله اتس سبب اوندڠن. ميثلڽ، ڤنجلاجهن بلياو كصقلية اداله اتس اوندڠن راج نرمندية، روجر كدوا. ڤنجلاجهن ترسبوت برتوجوان ممبنتو روجر كدوا دالم مڠحاصيلكن ڤتا دنيا باݢي مڠتاهوي كلواسن تانه ككواساءن بݢيندا دان هوراين لڠكڤ مڠناءي نݢري، كوتا دان مشاركت برهمڤيرن صقلية. اداڤون بلياو منتڤ دصقلية همڤير ٢٠ تاهون. سڤنجڠ برادا دسان، بلياو ڤرنه دلانتيق منجادي حاكيم. الإدريسي تيدق ڤرنه منيڠݢلكن صقلية سهيڠݢ راج روجر كدوا منيڠݢل دنيا دان سسوده كأداءن دسان تيدق لاݢي تنترم.

ڤتا دنيا دحاصيلكن اوليه الإدريسي ڤد تاهون ١١٤٥هـ دناماكن سباݢاي ڤتا الإدريسي. ڤتا اين ممڤو منونجوقكن ٧٠ بواه ڤتا دڠن ݢمبرن ترڤرينچي ڤرنه دحاصيلكن دالم بيدڠ ݢيوݢرافي ڤد كتيك ايت. سلاءين ڤتا دنيا، بلياو جوݢ تله منچيڤتا بولا ڤراق (ݢلوب دنيا) سبرت دوا اورڠ ديواس دان داڤت ممبوقتيكن بهاوا بومي بربنتوق بولت. والاو باݢايماناڤون، بولا ڤراق ايت تله هيلڠ سلڤس ڤمرينتاهن راج نورمان س.

الإدريسي تله مڠحاصيلكن تيݢ بواه بوكو بيدڠ ݢيوݢرافي برتاجوق نزهة المشتاق فى اختراق الآفاق، روض الأنس ونزهة النفس دان صفة البلاد المغرب. بلياو جوݢ اد مڠحاصيلكن بوكو٢ تنتڠ بيدڠ كدوقتورن دان فرماسي، الأدوية المفرجة. دالم بوكو ترسبوت، بلياو تله مڽنارايكن اوبت-اوبتن دڠن مڠݢوناكن ١٢ بهاس برلاءينن. بوكو بلياو برتاجوق الجامع لصفات أشتات النبات ڤولا مڠاندوڠي مڠناءي تومبوه-تومبوهن يڠ داڤت دجاديكن سباݢاي اوبت. سناراي تومبوه-تومبوهن ترداڤت دالم بوكو ترسبوت دسوسون مڠيكوت سوسونن ابجد. جاك ريسلر (علمون ڤرنچيس) مڠاتاكن بهاوا الإدريسي تله مڽنارايكن ٣٦٠ جنيس دان ككوناءن تومبوه-تومبوهن اونتوق ممبوات اوبت.

سکالا سومبڠن الإدريسي اين تله منجاديكن بلياو دكنلي دسلوروه دنيا ترماسوق كالڠن ڤارا ڤلاير دان تنترا. ݢلوب چيڤتاءن بلياو تله دجاديكن سباݢاي ڤمبوك جالن باݢي ڤمڤورنا بولا دنيا سڤرتي يڠ داڤت دليهت سكارڠ. الإدريسي باڽق مڠهابيسكن هيدوڤڽ دمغربي، سڤاڽول دان صقلية. بلياو وفاة ڤد تاهون ٥٦١هـ/١١٦٦م دچاوتا. معلومت ريڠكس مڠناءي الإدريسي بوليه دتموءي دبالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه خصوص دݢالري ٥: واريثن علمو.

# KURSUS BIMBINGAN BAKAL JEMAAH HAJI DITERUSKAN







KURSUS Ibadat Haji dan Umrah dihasrat dapat memberi pengetahuan mengenai Manasik Haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadat haji dengan teratur dan sempurna serta menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu Manasik Haji, umrah dan ziarah (atas, atas kanan dan kanan).

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Februari. - Dalam usaha terus membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami dan meningkatkan pengetahuan masing-masing, Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi hari ini bagi sesi kelapan.

Kursus Ibadat Haji dan Umrah dihasrat dapat memberi pengetahuan mengenai Manasik Haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadat haji dengan teratur dan sempurna serta menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu Manasik Haji, umrah dan ziarah.

Selain itu, kursus juga antara lain untuk memberikan gambaran keadaan terkini di Tanah Suci melalui video klip dan gambar-gambar dikongsikan oleh para pengkursus seperti Masjidilharam di Mekah, Masjid Nabawi di Madinah, Padang Arafah dan Mina.

Lokasi kursus yang menjadi tumpuan Pelita Brunei pada hari ini bagi membuat tinjauan suasana kursus dijalankan ialah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah.

Kursus dijalankan bermula pukul 8.00 hingga 10.30 pagi yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji (JUH) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446H / 2025M.

Kursus berkenaan disampaikan oleh para pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik daripada guru ugama terlatih dan pegawai pelajaran, Jabatan Pengajian Islam; pensyarah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), pegawai-pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pusat Da'wah Islamiah serta Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara dan mempunyai Sijil Tauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Kursus berkenaan diadakan secara serentak di pusat-pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah yang dibahagikan kepada 10 sesi bermula pada 17 Januari lalu dan berakhir pada 16 Februari 2025.

Sementara itu, Kursus Amali (Praktikal) Ibadat Haji bagi Bakal Jemaah Haji iaitu kursus bagi sesi kesembilan akan diteruskan pada Jumaat, 14 Februari 2025.

Semua bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi Tahun 1446H / 2025M adalah dikehendaki mengikuti kursus-kursus ibadat haji yang telah diaturkan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

Kursus berkenaan diharap dapat membekalkan bakal jemaah haji dengan ilmu Manasik Haji dan umrah secara betul, teratur dan sempurna dan seterusnya dapat membantu jemaah mencapai dan mendapat haji yang mabrur.

# Study@IBTE tawarkan pelbagai program, kursus




**Siaran Akhbar dan Infografik : Institut Pendidikan Teknikal Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Februari. – Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) memaklumkan bahawa Study@IBTE akan diadakan selama empat hari bermula 11, 13, 18, dan 20 Februari di Kampus-kampus IBTE di seluruh negara.

Study@IBTE merupakan sebuah platform yang direka untuk mempamerkan pelbagai program dan kursus yang ditawarkan oleh sembilan sekolah IBTE, Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan (CET) dan Akademi TVET.

Acara tahun ini direka khas untuk memberikan pengalaman mendalam dan bermaklumat kepada para lepasan 'O' Level serta pelajar berpotensi, membekalkan mereka dengan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan yang tepat mengenai laluan pendidikan dan kerjaya mereka.

Pada 11 Februari, pemohon boleh mengunjungi IBTE Kampus Agro-Teknologi di Kampung Wasan dan IBTE Kampus Sekolah Perdagangan di Jalan Pasar Gadong.

Sementara pada 13 Februari, pemohon boleh mengunjungi IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal. Untuk School of Hospitality and Tourism dan School of Information and Communication Technology, Study@IBTE akan diadakan di Simpang 125, Jalan Muara, manakala sekolah-sekolah lain akan mengadakan acara mereka di School of Aviation di Jalan Utama Berakas.

Pada 18 Februari, Study@IBTE akan berlangsung di IBTE Kampus Nakhoda Ragam di KM13 Lebuhraya Muara-Tutong dan IBTE Kampus Mekanikal di Kampung Tungku.

Hari terakhir Study@IBTE akan diadakan pada 20 Februari di IBTE Kampus Sultan Bolkiah, J16/J17, Lorong Lima, Seria dan IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Jalan Setia Negara, Kuala Belait.

Seperti lazimnya, setiap Kampus IBTE hanya mempamerkan program mereka sendiri semasa acara Study@IBTE. Namun, tahun ini menandakan satu perubahan menarik.

Buat pertama kalinya, kesemua sembilan sekolah IBTE akan dihimpunkan di satu lokasi, memberikan pengalaman yang lebih terpusat dan mudah bagi pengunjung dan pemohon.

Oleh itu, orang ramai kini boleh meneroka keseluruhan program IBTE dalam satu tempat, menjadikannya lebih mudah untuk berhubung dengan pemimpin program, tenaga pengajar dan pelajar.

Semasa acara tersebut nanti, ia akan menawarkan : Demonstrasi Interaktif dan Aktiviti Praktikal, untuk mendapatkan pandangan langsung mengenai pelbagai program teknikal dan vokasional; Sesi Maklumat - Ketahui mengenai syarat kemasukan, struktur kursus dan laluan kerjaya secara langsung daripada tenaga pengajar IBTE dan pakar industri; Konsultasi Peribadi - Dapatkan bimbingan khusus untuk membantu awda memilih program yang sesuai dengan kemahiran dan aspirasi awda.

Juga diadakan ialah Proses Pendaftaran Lancar - Pemohon yang berminat boleh mendapatkan bantuan langkah demi langkah dalam permohonan ke IBTE dan Kaunter Pembayaran Pendaftaran TVeCAS di mana pemohon boleh membuat pembayaran di Kaunter Pembayaran Pendaftaran TVeCAS di mana-mana kampus semasa acara Study@IBTE.

Study@IBTE berfungsi sebagai peluang untuk melangkah ke masa depan yang berjaya. Sama ada dalam bidang kejuruteraan, perniagaan, hospitaliti, atau mana-mana bidang teknikal lain, acara ini akan memberikan semua sumber yang diperlukan untuk membuat pilihan yang tepat.

Untuk maklumat lanjut, layari *www.ibte.edu.bn* atau hubungi Pejabat Kemasukan IBTE di *admission@ibte.edu.bn* serta ikuti akaun Instagram *ibteignite*.

# KEJOHANAN PINGPONG SEMPENA CHANCELLOR'S TROPHY 2024 / 2025

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus memacu kecemerlangan dan semangat kesukanan dalam kalangan mahasiswa dengan menganjurkan Kejohanan Pingpong sempena Chancellor's Trophy 2024 / 2025 antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Dewan Gymnasium, Kampus Gadong, UNISSA, baru-baru ini.

Kejohanan ini menyaksikan penyertaan daripada empat institusi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Rektor (Dasar dan Korporat), UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.




**TIMBALAN Rektor (Dasar dan Korporat), UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad hadir selaku tetamu kehormat majlis yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.**

Dalam Kategori Perseorangan (Single), pasukan dari UTB iaitu Muhd. Aiman bin Awang Mustafa dinobatkan sebagai juara dalam Kejohanan Pingpong Chancellor's Trophy 2025 Masihi.

Manakala naib juara disandang oleh Awangku Abdurrahman Saeed bin Pengiran Haji Mohammad Zaman dari KUPUSB dan Awangku Sufi Fakhrullah bin Pengiran Mohd. Sofian dari UBD meraih tempat ketiga selepas mengalahkan Awangku Abdurrahim Saleem bin Pengiran Haji Mohammad Zaman dari UNISSA dalam perlawanan penentuan.

Sementara bagi Kategori Berpasangan (Double), pasukan daripada UBD iaitu Bakhtiar Ramli dan Jia Lok dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan ini. Manakala naib juara disandang oleh Abdul Wazeed bin A.M Abdul Rahman dan Mek Jen dari UTB.

Awangku Md. Luqmanul Hakim bin Pengiran Haji Bahar dan Muhammad Alif Shaheedon bin Eydnor dari UNISSA meraih tempat ketiga selepas mengalahkan Mohammad Khairie bin Mohamed Shalahudeen dan Awangku Muhd. Shabri Hannan bin Pengiran Haji Mohd. Zaman dari KUPU SB dalam perlawanan penentuan.

# Pupuk gaya hidup sihat dalam kalangan guru ugama





**KETUA Unit Sekolah Ugama, Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Jaya bin Haji Metussin hadir selaku tetamu kehormat pada aktiviti riadah tersebut dan seterusnya melancarkan aktiviti berkenaan (atas kiri, atas kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang ikut serta pada aktiviti tersebut.**

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS,** Ahad, 9 Februari. - Bagi memupuk amalan gaya hidup yang sihat serta memelihara kesejahteraan mental dan fizikal, kira-kira lebih 100 guru Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I pagi tadi menyertai aktiviti riadah bertempat di kawasan Concourse Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu khas pada acara tersebut ialah Ketua Unit Sekolah Ugama, Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Jaya bin Haji Metussin.



Terdahulu, acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara diteruskan dengan ucapan aluan-aluan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama Brunei I, Awang Amran bin Haji Majid yang mana menekankan tanggungjawab sebagai guru ugama bukanlah sesuatu yang mudah.

Beban kerja yang berat, ujarnya lagi, tuntutan masa serta cabaran mengurus pelbagai situasi di sekolah boleh menjejaskan kesihatan mental jika tidak diurus dengan baik.

"Oleh itu, aktiviti riadah seperti ini bukan sekadar hiburan tetapi ia adalah satu terapi untuk jasmani dan rohani Ia membantu melancarkan peredaran darah, meningkatkan daya tahan tubuh serta merangsang hormon yang memberi ketenangan jiwa.

"Beriadah bersama rakan-rakan seperguruan juga mengukuhkan ukhuwah, mengurangkan stres dan mengembalikan semangat untuk terus mendidik generasi muda anak-anak bangsa *kitani*," jelas beliau.

Beliau seterusnya menyeru agar semua guru ugama agar sentiasa menjadikan aktiviti fizikal sebagai rutin dalam kehidupan kita. Luangkan masa untuk bersenam, berjalan santai atau melakukan senaman ringan agar lebih sihat, bertenaga dan dapat menjalankan tanggungjawab kita dengan lebih baik.

Acara kemuncak dimulakan dengan sesi pemanasan badan, kemudian diikuti dengan riadah berjalan kaki beramai-ramai. Adapun tujuan acara diadakan adalah juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan guru-guru sekolah ugama Kawasan Brunei I.

Aktiviti riadah ini dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam melalui Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama (JKPSSU) Kawasan Brunei I.



# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## FIRE FIGHTER RUN 2025 MERIAHKAN KBKU CERIA



**SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir bagi mewakili pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku tetamu kehormat pada Program KBku Ceria (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai larian.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BELAIT**, Ahad, 9 Februari. - Bagi memeriahkan lagi Program KBku Ceria, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Persatuan Bomba menganjurkan Fire Fighter Run 2025 (FFR 2025) di Menara Cendera Kenangan Kuala Belait, hari ini. FFR 2025 tersebut diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun JBP dan seramai 380 orang telah mendaftar dalam larian ini.

Hadir bagi mewakili pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan juga selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan iaitu Lelaki 5 kilometer (km) Terbuka; Wanita 5km Terbuka; Lelaki Veteran 5km; Wanita Veteran 5km; Lelaki 10km Terbuka; Wanita 10km Terbuka; Lelaki Veteran 10km dan Lelaki Veteran 10km.

Larian ini bermula dan berakhir di kawasan Menara Cendera Kenangan, Kuala Belait. Acara FFR 2025 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, sesi pemanasan badan, diikuti dengan pelepasan bagi kesemua kategori dan Fun Run oleh tetamu kehormat.

Seterusnya tetamu kehormat menyertai acara beriadah berbasikal sejauh 10km bersama dengan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEDN.

Sebaik sahaja selesai acara beriadah berbasikal, tetamu kehormat berkunjung ke tapak riadah *glamping* oleh penggemar-penggemar acara berkenaan, gerai-gerai jualan oleh penjaja-penjaja dari daerah berkenaan dan khemah-khemah yang dimeriahkan dengan aktiviti-aktiviti Mini Games yang dijalankan oleh Cawangan-cawangan Operasi JBP.

Acara juga diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi pemenang Kategori Pertandingan Larian 5km dan 10km oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

## Silveredz FC tewaskan MS SSBD, 7-4

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**ANTARA aksi perlawanan di antara Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) menentang Silveredz FC pada Perlawanan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024-2025.**

**TUNGKU LINK**, Ahad, 9 Februari. - Harapan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) untuk menewaskan Silveredz FC berkecai setelah ditewaskan dengan kiraan 4 - 7 pada Perlawanan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pada babak pertama, Md. Adhan lebih awal memberikan Silveredz FC kelebihan jaringan apabila bijak menyempurnakan sentuhan gol pada minit ke-7 diikuti dengan Md. Nur Aiman Syahizwan yang menyumbangkan gol kedua Silveredz FC selang dua minit selepas itu.

MS SSBD bangkit untuk mengatur serangan dan berjaya membolosi gawang Silveredz FC pada minit ke-13 hasil jaringan Md. Rayyan Darwish. Sebelum babak pertama berakhir, Silveredz FC terus memberikan asakan bertubi-tubi ke atas MS SSBD sehingga berjaya menyumbat gol ketiga mereka melalui sepakan Nasrullah pada minit ke-18.

Silveredz FC terus mengungguli permainan apabila sebaik sahaja babak kedua dimulakan, Ahmad Abdul Azim berjaya menggegarkan gawang MS SSBD pada minit ke-21.

Perlawanan babak kedua terus menyaksikan aksi seimbang kedua-dua buah pasukan tetapi Silveredz FC lebih lega apabila dua pemain mereka iaitu Md. Noredry Effandy dan Awangku Md. Hanafi mempamerkan kecemerlangan menerusi ledakan menarik yang memperdayakan penjaga gol MS SSBD pada minit ke-30 dan ke-31.

MS SSBD bangkit memberikan saingan melalui Muhammad Rayyan@Ryan Chua dan berjaya menghadiahkan gol kedua MS SSBD pada minit ke-32. Md. Noredry Effandy sekali lagi menghadiahkan gol buat pasukannya pada minit ke-38 dan pada minit yang sama MS SSBD turut membuat jaringan ketiga mereka hasil sepakan Muhammad Rayyan Darwish.

Sebelum wisel penamat dibunyikan, MS SSBD berjaya menghadiahkan gol keempat mereka melalui sepakan Muhammad Rayyan@Ryan Chua. Dengan kemenangan itu, meletakkan Silveredz FC di tangga ke-6 dengan kutipan 7 mata. Sementara MS SSBD berada di tempat ke-8. Hars Elite masih mengungguli carta BPFL dengan berada di tempat pertama.